



## KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Wilayah Persekutuan)

### OSC Khas Tidak Lagi Bersidang Di Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)

8 Jun 2026

1. Kerajaan sedang mengambil langkah untuk menamatkan peranan OSC Khas di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai sebahagian daripada agenda reformasi tadbir urus dan usaha memperkukuhkan integriti dalam sistem perancangan bandar Kuala Lumpur.
2. Keputusan ini dibuat berdasarkan syor Project Capital, sebuah pasukan petugas khas di bawah Policy Advisory Committee to the Prime Minister (PMAC) yang ditugaskan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk meneliti cabaran serta mengemukakan cadangan reformasi tadbir urus bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Laporan Project Capital menyatakan bahawa OSC Khas berpotensi menjadi saluran campur tangan dalam proses membuat keputusan pembangunan. Kerajaan MADANI tidak boleh mempertahankan mana-mana struktur yang membuka ruang kepada campur tangan atau persepsi bahawa sesuatu keputusan boleh dipengaruhi oleh faktor selain undang-undang dan dasar perancangan yang sah. Sebab itu kita mahu kembali kepada prinsip yang jelas iaitu ikut Pelan Tempatan, ikut undang-undang dan ikut proses yang telus.
4. Sejak diberikan tanggungjawab mengurus Wilayah Persekutuan, satu garis panduan yang jelas telah diwujudkan bagi Ahli-ahli Parlimen menyalurkan aduan dan cadangan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur. Bagi meningkatkan ketelusan, DBKL turut memperkenalkan Portal OSC yang membolehkan pihak berkepentingan dan orang awam melihat maklumat berkaitan permohonan pembangunan yang sedang diproses.
5. Pada masa yang sama, DBKL telah memperkemas SOP dalaman supaya setiap permohonan dinilai berdasarkan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040. Sekiranya semua pelan dan dokumen yang dikemukakan mematuhi syarat serta keperluan yang ditetapkan, DBKL boleh membuat keputusan dalam tempoh seawal 21 hari. Bagi cadangan yang memerlukan pertimbangan lanjut, proses rundingan dengan pihak berkuasa, jabatan, pertubuhan dan pihak-pihak berkepentingan akan dilaksanakan mengikut Kaedah 3, Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Permohonan untuk Kebenaran Merancang) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2025.
6. Saya juga ingin menegaskan bahawa terdapat pengasingan kuasa yang jelas dalam sistem pentadbiran Kuala Lumpur. Setiap keputusan pembangunan perlu dibuat oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman berdasarkan penilaian terhadap dokumen-dokumen teknikal, ulasan jabatan-jabatan berkaitan serta Pelan Tempatan Kuala Lumpur yang telah diluluskan. Keputusan perancangan bandar mesti dibuat berasaskan fakta, dasar dan undang-undang, bukannya dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
7. Selaras dengan komitmen tersebut, saya telah mengambil keputusan untuk tidak lagi memanggil OSC Khas bersidang sepanjang tempoh saya memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Dalam masa yang sama, saya akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri untuk mempertimbangkan pemansuhan OSC Khas selaras dengan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Project Capital.

8. Langkah ini akan mengurangkan lapisan birokrasi yang tidak perlu, mempercepatkan proses membuat keputusan serta memastikan akauntabiliti yang lebih jelas dalam sistem penyampaian DBKL.
9. Saya merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah mengambil inisiatif menugaskan Project Capital di bawah Policy Advisory Committee to the Prime Minister (PMAC) untuk mengenal pasti cabaran dan ruang penambahbaikan dalam pentadbiran DBKL. Syor-syor yang dikemukakan menunjukkan komitmen Kerajaan MADANI untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan akauntabiliti dan melaksanakan reformasi institusi yang diperlukan demi masa depan Kuala Lumpur.

**Hannah Yeoh**  
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**  
**(Wilayah Persekutuan)**

